

## Rekonstruksi Dalam Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP)

### *(Internal Reconstruction of The Ancient Northern Hulu Perak Dialect (DHPUP))*

Nur Habibah Che Rosdi<sup>1\*</sup> 

<sup>1</sup>Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.  
Email: nurhabibahcr@usm.my

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Nur Habibah Che Rosdi  
(nurhabibahcr@usm.my)

#### KATA KUNCI:

Dialek Hulu Perak Utara Purba  
Inovasi  
Fonem purba  
Rekonstruksi fonem  
Retensi

#### KEYWORDS:

Ancient Northern Hulu Perak  
Dialect  
Innovation  
Ancient phonemes  
Phoneme reconstruction  
Retention

#### CITATION:

Nur Habibah Che Rosdi. (2025).  
Rekonstruksi Dalam Dialek Hulu Perak  
Utara Purba (DHPUP). *Malaysian Journal of  
Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,  
10(2), e003282.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i2.3282>

#### ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu usaha merekonstruksi fonem purba Dialek Hulu Perak Utara yang diandaikan pernah wujud di bahagian Hulu Perak Utara suatu ketika dahulu. Tujuan kajian dilakukan untuk memperolehi sistem fonem purba dialek Hulu Perak Utara (DHPU), dan menelusuri hubungannya dengan bahasa induk Melayik Purba (MP) oleh Adeelar (1992). Kaedah perbandingan yang digunakan merupakan tatakaedah perbandingan kualitatif atau dikenali sebagai kaedah tradisional dalam bidang linguistik sejarah dengan cara kerja rekonstruksi dalaman. Kaedah rekonstruksi dalaman digunakan untuk menerangkan hipotesis bentuk purba yang dituturkan oleh masyarakat di HPU suatu ketika dahulu. Perbandingan ini didasari dengan 508 daftar kata dalam enam bidang semantik. Sembilan buah varian di HPU (Gerik dan Pengkalan Hulu) dijadikan dasar kepada perbandingan untuk melakukan rekonstruksi. Hasil rekonstruksi telah menemukan sistem fonem purba dialek HPU yang terdiri daripada 4 fonem vokal purba dan 18 fonem konsonan purba. Vokal purba DHPU memperlihatkan pengekalannya secara langsung daripada vokal MP dan pengurangan satu konsonan daripada MP. Implikasi daripada kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi input dalam membuat klasifikasi varian di HPU, serta memberi sambutan keserjanaan dalam melakukan kerja rekonstruksi leksikon mengikut tatakaedah kualitatif.

#### ABSTRACT

This study is an effort to reconstruct the ancient phonemes of the Northern Hulu Perak Dialect, which is assumed to have once existed in the Northern Hulu Perak region. The objective of this study is to obtain the ancient phonemic system of the Northern Hulu Perak Dialect (DHPU) and trace its relationship with the Proto-Malayic parent language (MP) as proposed by Adelaar (1992). The comparative method used in this study follows a

qualitative comparative approach, also known as the traditional method in historical linguistics, through internal reconstruction. The internal reconstruction method is employed to explain the hypothesis of ancient forms spoken by the HPU community in the past. This comparison is based on a list of 508 words across six semantic fields. Nine variants in HPU (Gerik and Pengkalan Hulu) serve as the basis for comparison in conducting the reconstruction. The reconstruction results reveal the ancient phonemic system of the HPU dialect, consisting of four ancient vowel phonemes and 18 ancient consonant phonemes. The ancient vowels of DHPU exhibit direct retention from MP vowels, with a reduction of one consonant from MP. The implications of this study contribute to the classification of variants in HPU and provide scholarly insights for reconstructing lexicons using qualitative methods.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang linguistik sejarah perbandingan. Tata kaedah merekonstruksi bahasa atau dialek di Malaysia masih belum mencapai tahap yang baik. Sumbangan kajian ini salah satunya dapat menelusuri asal usul dialek purba Patani di daerah Hulu Perak Utara, yang mempunyai sejarah migrasi di antara penduduk tempatan dan penduduk dari Selatan Thailand.

## 1. Pengenalan

Rekonstruksi, memulihkan atau kegiatan penghasilan semula bahasa purba dianggap sah dan relevan melalui andaian wujudnya salasilah sebuah keluarga bahasa. Menurut [Norah dan Rohani \(2011\)](#), ciri-ciri bahasa purba diwarisi oleh bahasa dan dialek semasa, sama ada ciri tersebut mengalami perubahan atau pun masih kekal. Dialek atau bahasa semasa digunakan kerana diandaikan kedua-duanya wujud hasil perkembangan bahasa yang terdahulu. Dengan kata lain, terdapat bahasa yang lebih tua yang dianggap memencarkan dialek atau bahasa yang lebih muda.

Satu-satunya bidang yang dapat membina semula bahasa purba adalah melalui linguistik sejarawi dan perbandingan (LSP). Menurut [Groys \(1996: 22\)](#) Linguistik bandingan historis adalah suatu cabang dari ilmu bahasa yang mempersoalkan bahasa dalam bidang waktu serta perubahan unsur-unsur bahasa yang terjadi dalam bidang waktu tersebut. Linguistik sejarawi mempelajari data-data daripada suatu bahasa atau lebih, sekurang-kurangnya dalam dua period. Harrison, seperti yang dipetik [Norah \(2021\)](#), merumuskan linguistik bandingan sejarawi membandingkan bahasa atau dialek semasa untuk menjangkau lebih jauh kedalam kehidupan bahasa atau dialek pada zaman prasejarah dengan meneliti empat objektif: (i) berusaha menelusuri sejarah dan mengungkap perkaitan antara bahasa pada zaman prasejarah, (ii) memulihkan, membina semula atau merekonstruksi bentuk bahasa induk yang dianggap memencarkan bahasa-bahasa sekerabat yang wujud sekarang, (iii) berfungsi melakukan pengelompokan bahasa, dan (iv) meramalkan pusat penyebaran bahasa induk dan menelusuri perpindahan penutur bahasa induk berkenaan.

### 1.1. Pernyataan Masalah

Makalah ini tumpuannya kepada objektif (i) dan secara tidak langsung mendeskripsikan objektif (ii), iaitu merekonstruksikan dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) dengan cara rekonstruksi dalaman, tatakaedah kualitatif. Secara tidak langsung objektif (iii) tercapai, walau bagaimanapun, ditekankan hanya peringkat awal. Munculnya makalah ini disebabkan apabila meninjau ke dalam LSP di Malaysia, upaya rekonstruksi dalaman melalui tatakaedah kualitatif kurang dilakukan secara tuntas. Kajian perbandingan sebelum ini rata-ratanya menggunakan perbandingan kuantitatif, atau lebih khusus kaedah yang digelar leksikostatistik dan glotokronologi yang melibatkan taraf perbandingan antara bahasa. Malah kajian rekonstruksi dalaman terhadap dialek-dialek Melayu di semenanjung masih lagi asing. Rekonstruksi yang ada kini hanyalah rekonstruksi bahasa yang lebih tinggi tahapnya, seperti kajian [Asmah \(1995a, 1995b\)](#) dan [Adeelar \(1992\)](#).

Seterusnya dalam konteks dialek di Perak, negeri ini direkodkan mempunyai kepelbagaian varian dialek Melayu. Di bahagian-bahagian tertentu di negeri Perak merupakan kawasan penyebaran dialek-dialek lain, yakni dialek Petani di daerah Hulu Perak dan Larut Matang, dialek Kedah di daerah Taiping ke utara, dialek Selangor di daerah Ipoh ke Selatan, dialek Perak di Parit dan Kuala Kangsar, dialek Melayu Rawa di Gopeng dan Selama ([Asmah, 2015](#)). Sungguhpun begitu, lazimnya para sarjana lebih tertarik dengan kajian dialek asli Perak berbanding dialek-dialek Melayu lain di Perak seperti yang disebutkan. Bukti empirikal tentang ciri fonologi dialek Perak dan pengelompokkannya telah berjaya dibahaskan oleh para peneliti lepas seperti [Ismail Hussien \(1973\)](#), [Harun Mat Piah \(1983\)](#), [Asmah \(2015\)](#), [Raja Mukhtaruddin \(1986\)](#), [Zaharani \(1991\)](#), [Nuwairi \(2003\)](#) dan sebagainya. Namun, dari segi pengelompokan dialek-dialek di Perak, terutama dialek Patani terdapat sedikit perbezaan pendapat antara beberapa pengkaji lepas. Hal ini kerana mungkin disebabkan atas faktor kekeliruan pemplotan kawasan dan kewujudan varian dialek Patani yang pelbagai di Hulu Perak. Kewujudan varian dialek Patani yang pelbagai dibuktikan dalam kajian [Tajul Arippin dan Tarmiji \(2014\)](#), [Nur Habibah \(2014\)](#), [Nor Hashimah \(2015\)](#), [Siti Noraini et al. \(2017\)](#) serta [Sakinah dan Fazal Mohamad \(2016\)](#). Isu ini akan dibincangkan dalam ulasan kosa ilmu yang menyusul.

Oleh kerana titik penelitian lepas banyak menfokuskan kepada kajian dialek asas Perak, maka wujud kelompongan kosa ilmu terhadap dialek lain di Perak, terutama dalam bidang LSP. Justeru itu, kajian ini mengupayakan sebuah rekonstruksi dalaman yang memfokuskan pemerolehan fonem purba terhadap sebuah dialek Melayu Patani di Hulu Perak yang diandaikan wujud dan dituturkan di Hulu Perak Utara (HPU) melalui tatakaedah kualitatif. Selain kurangnya kajian dialek Patani di Hulu Perak ini, sejarah ketamadunannya yang hebat (merupakan bekas Kerajaan Reman) menjadikan kawasan ini dipilih untuk dilakukan kajian. Sehingga kini, masih belum ada gambaran yang jelas tentang penelusuran sejarah dan mengungkap perkaitan antara bahasa zaman pra sejarah di Hulu Perak. Setakat ini, cuma terdapat kajian linguistik perbandingan geografi secara tradisional di Hulu Perak ([Nur Habibah, 2014](#)), linguistik bandingan geografi (pendekatan *Geographical Information System (GIS)*) ([Nor Hashimah, 2015](#); [Siti Noraini, et al. 2017](#)), dan linguistik perbandingan fonologi dialek Hulu Perak ([Tajul Arippin & Tarmiji, 2014](#)) linguistik bandingan sintaksis ([Sakinah & Fazal Mohamed, 2016](#)). Rekonstruksi dalaman terhadap DHPUP ini merupakan kajian penambahbaikan daripada dapatan kajian awal [Nur Habibah \(2021\)](#).

## 1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini merangkumi

- i. Merekonstruksi fonem purba dialek Hulu Perak Utara
- ii. Membandingkan kewujudan fonem purba antara Melayik Purba dan dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP)

## 2. Sorotan Literatur

Tinjauan ke atas kosa ilmu yang berkaitan dengan dialek Perak mendapati bahawa kajian yang condong ke arah LSP belum pernah dikaji. Apatah lagi dialek lain di Perak, misalnya di Hulu Perak Utara (HPU) kurang dikerjakan. Kebanyakan kajian tentang dialek Perak tertumpu di Perak Tengah seperti Parit, Bota dan Kuala Kangsar, yakni yang menuturkan dialek asas Perak. Kesemua kajian ini telah berjaya membahaskan ciri fonologi dialek Perak dengan begitu baik, misalnya kajian yang telah dilakukan oleh [Zaharani \(1991\)](#), [Asmah \(2015\)](#), [Raja Mukhtaruddin \(1986\)](#), dan [Nuwairi \(2003\)](#).

Namun daripada segi pengelompokan dialek Hulu Perak, pengkaji-pengkaji seperti [Ismail Hussien \(1973\)](#), [Harun Mat Piah \(1983\)](#) dan [Asmah \(2015\)](#) mempunyai pandangan yang berbeza. [Harun Mat Piah \(1983\)](#) mengelompokan dialek Hulu Perak dituturkan di Gerik dan Kelian Intan, [Ismail Hussien \(1973\)](#) pula menyatakan secara umum, bahawa di Hulu Perak menuturkan dialek Patani yang menghampiri pertuturan dialek Terengganu. Manakala [Asmah \(2015\)](#) merumuskan dialek Patani merujuk kepada daerah Hulu Perak dan Larut Matang Selama (LMS). Menurut [Asmah \(2015\)](#), dialek patani yang dituturkan di LMS mempunyai banyak persamaan dengan dialek Perak dan berbeza dengan dialek patani yang lain, terutama dialek Patani Kedah. Perbezaan pengelompokan ini memperlihatkan bahawa ciri linguistik dialek di Hulu Perak masih samar dan tidak jelas. Ketiga-tiga pengkaji ini melakukan pengelompokan berdasarkan kaedah perbandingan antardialek kualitatif yang bertujuan untuk mengesan dialektal. Kaedah ini melakukan pengelompokan berdasarkan persamaan ciri linguistik yang sama disatukan dalam kelompok yang sama, manakala ciri linguistik yang berbeza, disatukan dan berada dalam kelompok yang berbeza. Kaedah perbandingan sedemikian dilihat agak sempit dan mudah, kerana dilihat pengelompokan dialek hanya berlandaskan kepada ciri linguistik lokasi keberadaan dialek-dialek berkenaan sahaja, tidak secara menyeluruh. Keadaan inilah yang mengakibatkan pengelompokan lokasi dialek patani di Hulu Perak masih samar dan tidak jelas.

Menjelang abad ke-20 bermulanya kajian-kajian di Hulu Perak. Dalam kosa ilmu kajian Hulu Perak, titik penelitian lebih kepada kajian linguistik perbandingan tipologi (meneliti persamaan dan perbezaan bahasa dan dialek dari segi ciri linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain) seperti [Tajul Arippin dan Tarmiji \(2014\)](#), [Nur Habibah \(2014\)](#), [Sakinah dan Fazal Mohamed \(2016\)](#) serta kajian linguistik perbandingan kawasan (meneliti persamaan dan perbezaan dialek berasaskan ruang) seperti kajian *Geographical Information System GIS* oleh [Nor Hashimah \(2015\)](#) dan [Siti Noraini et al. \(2017\)](#). Hasil-hasil kajian ini menemukan pelbagai varian yang tersebar di daerah Hulu Perak, iaitu di Gerik dan Lenggong. Kesemua varian yang ditonjolkan dalam kajian-kajian ini memperlihatkan perbandingan realisasi fonetiknya, kekangan fonotaktik, sintaksis, mahupun aspek leksikal. Namun, kajian ini belum mampu menelusuri sejarah perkembangan wujudnya varian di HPU dari aspek apatan yang lebih empirikal.

Oleh kerana titik penelitian lepas masih samar tentang pengelompokan dialek Hulu Perak dan penelitian yang ada pun banyak memfokuskan kajian linguistik bandingan tipologi dan linguistik bandingan geografi di Hulu Perak, maka wujud kelompangan kosa ilmu dalam bidang LSP khususnya dalam meneliti fonem purba dialek HPU secara kualitatif. Seperti yang dirumuskan oleh [Noriah \(2021\)](#) pada bahagian pengenalan, terdapat 4 objektif yang perlu dipenuhi oleh bidang LSP dalam kajian dialek. Maka kajian ini akan membawa sedikit kelainan daripada kajian yang sebelumnya. Kajian-kajian sebelum ini hanya memperlihatkan perbezaan atau persamaan yang wujud dalam varian-varian di HPU masa kini, sama ada fokusnya kepada ciri fonologi, leksikal, sintaksis mahupun berasaskan ruang. Namun, berbeza dengan kajian LSP ini. Kajian ini akan menjangkau lebih jauh ke dalam kehidupan dialek pada suatu masa dahulu dengan menghasilkan sistem fonem purba DHPU melalui rekonstruksi fonem yang dilakukan terhadap varian-varian yang wujud pada masa kini di HPU, serta merumuskan perkembangan varian di HPU berdasarkan inovasi yang berlaku.

### 3. Metod Kajian

Kaedah penyelidikan perbandingan kualitatif dimanfaatkan dalam merekonstruksi fonem dialek HPU untuk memperoleh fonem purba HPU. Pengkaji menyediakan 508 daftar kata yang meliputi komponen semantik bilangan, kata ganti nama diri dan kekerabatan, anggota tubuh badan manusia, haiwan, alam persekitaran, waktu, warna, alat kelengkapan rumah, dan emosi dan perbuatan. Ringkasnya kutipan 508 kosa kata menggunakan metode cakap dan metode semak [Mahsun \(1995\)](#) di kawasan lapangan (9 kampung di Gerik dan Pengkalan Hulu), merangkumi varian-varian kampung Perah (PRH), Kerunai (KRN), Selarong (SLRG), Kuak Hulu (KHLU), Padang Kunyit (PDG KNYT), Bongor (BNGR), Bersia Lama (BSLM) dan Simpang Pulau (SPG PLAI). Sembilan kawasan kampung ini antara kawasan yang dikesan mempunyai varian yang berlainan antara satu sama lain. Biarpun secara kasarnya masih ada varian lain yang dituturkan, namun untuk kajian ini, pengkaji memilih sembilan varian yang dinyatakan untuk mewakili keseluruhan varian di kawasan HPU. Teknik yang dimanfaatkan adalah temu bual mendalam berlandaskan daftar kosa kata, pengajuan gambar, rakaman dan catat. Kesemua informan yang ditemu bual memiliki kriteria NORM/F (*Nonmobile, old, rural, male/female*) dan lengkap alat pertuturan

Walau bagaimanapun, rekonstruksi dilakukan terhadap 200 kata yang berstatus kognat sahaja. Kemudian data dianalisis berdasarkan skop bidang LSP secara kualitatif yang menggunakan terminologi khusus dalam bidang ini, seperti:

- i. bahasa Induk/purba
- ii. retensi (kekal)
- iii. inovasi (berubah)
- iv. kata kognat (
- v. leksikon purba
- vi. refleksi
- vii. kesepadanan bunyi (:) – kesepadanan fonem antara bahasa/dialek/varian yang dibandingkan dalam jadual kesepadanan bunyi.
- viii. penggunaan lambang asterik (\*) – diberikan kepada sebarang bentuk purba. Fonem/ kosa kata. (tanda asterik masih dianggap Hipotesis)
- ix. penggunaan simbol kosong O: tiada kesepadanan fonem dibandingkan / fonem digugurkan.
- x. penggunaan lambang (>) - melambangkan berubah kepada.
- xi. penggunaan lambang (<) - diturunkan daripada

### 3.1. Pendekatan Rekonstruksi Fonem Secara Kualitatif

Kaedah rekonstruksi dalaman mengguna pakai kaedah yang diutarakan oleh [Crowley dan Bown \(2010\)](#). Menurut [Rahim \(2017\)](#), kaedah merekonstruksi fonem yang dilakukan oleh [Crowley dan Bown \(2010\)](#), merupakan satu kaedah yang universal dalam linguistik sejarawi dan cara yang sama juga dimanfaatkan oleh [Fox \(1995\)](#) dan [Campbell \(2001\)](#). Berikut ini adalah urutan dalam melakukan rekonstruksi fonem seperti yang disarankan:

- i. Langkah paling utama dilakukan untuk merekonstruksi fonem ialah menentukan kata-kata kognat daripada bahasa turunan yang dibandingkan. Rujuk [Jadual 1](#).
- ii. Setelah kata-kata kognat diperolehi, penyusunan set-set korespondensi bunyi dilakukan untuk menerbitkan fonem purba daripada setiap set-set korespondensi bunyi. Rujuk [Jadual 2](#).
- iii. Setelah fonem purba ditentukan, maka dalam jangka masa yang sama bentuk kata/morfem/etimon purba daripada bahasa turunan yang dibandingkan itu akan diperolehi juga. Berdasarkan tata kaedah [Crowley dan Bown \(2010\)](#), perkataan 'tajam' dalam dialek HPU dapat direkonstruksikan. Rujuk [Jadual 1](#) hingga [Jadual 3](#) tata kaedah merekonstruksi fonem purba.

#### a) Tentukan kata kognat

Jadual 1: Penentuan kata kognat dalam dialek/bahasa yang dibandingkan

| Makna     | PRH                  | KRN    | SLRG                 | APNS                 | KHLU   | PDG<br>KNYT | BNGR                 | BSLM   | SPG<br>PLAI |
|-----------|----------------------|--------|----------------------|----------------------|--------|-------------|----------------------|--------|-------------|
| 1. tangan | tanɛ                 | tanɛn  | tanɛŋ                | tanɛn                | tanɛŋ  | tanɛŋ       | tanɛn                | tanɛ   | tanɛŋ       |
| 2. berat  | bəyaʔ                | bəyaʔ  | bəyaʔ                | bəyaʔ                | bəyaʔ  | bəyaʔ       | bəyaʔ                | bəyaʔ  | bəyaʔ       |
| 3. jarum  | dʒaʔɔ <sup>w</sup> ŋ | dʒaruŋ | dʒaʔɔ <sup>w</sup> ŋ | dʒaʔɔ <sup>w</sup> ŋ | dʒaʔɔŋ | dʒaruŋ      | dʒaʔɔ <sup>w</sup> ŋ | dʒaʔɔŋ | dʒaʔɔŋ      |
| 4. mulut  | muloʔ                | muloʔ  | muloʔ                | muloʔ                | muloʔ  | muloʔ       | muloʔ                | muloʔ  | muloʔ       |
| 5. sakit  | sakeʔ                | sakeʔ  | sakeʔ                | sakeʔ                | sakeʔ  | sakeʔ       | sakeʔ                | sakeʔ  | sakeʔ       |
| 6. tidur  | tidɔ                 | tidɔ   | tidɔ                 | tidɔ                 | tidɔ   | tidɔ        | tidɔ                 | tidɔ   | tidɔ        |
| 7. tajam  | tadʒæ                | tadʒɛŋ | tadʒɛŋ               | tadʒɛn               | tadʒaŋ | tadʒaŋ      | tadʒaŋ               | tadʒɛ  | tadʒaŋ      |

#### b) Tentukan perangkat korespondensi/kesepadanan bunyi

Perbandingan setiap fonem dilakukan berdasarkan pada kedudukan yang sama. Vokal dengan vokal, konsonan dengan konsonan. Jika konsonan atau vokal tiada pada tempat sepatutnya, maknanya konsonan atau vokal itu telah mengalami inovasi, simbol O perlu diletakkan semasa melakukan perbandingan dalam jadual kesepadanan bunyi.

Jadual 2: Perangkat Kesepadanan 'tajam' dalam varian turunan DHPU

| PRH  | KRN | SLRG | APNS | KHLU | PDG<br>KNYT | BNGR | BSLM | SPG<br>PLAI |
|------|-----|------|------|------|-------------|------|------|-------------|
| /t:  | t:  | t:   | t:   | t:   | t:          | t:   | t:   | t/          |
| /a:  | a:  | a:   | a:   | a:   | a:          | a:   | a:   | a/          |
| /dʒ: | dʒ: | dʒ:  | dʒ:  | dʒ:  | dʒ:         | dʒ:  | dʒ:  | dʒ /        |
| /æ:  | e:  | e:   | ɛ:   | a:   | a:          | a:   | ɛ:   | a/          |
| /O:  | ŋ:  | ŋ:   | n:   | ŋ:   | ŋ:          | ŋ:   | O:   | ŋ:          |

## c) Tentukan bentuk purba (membuat jadual rekonstruksi)

Menentukan fonem purba daripada setiap set perangkat korespondensi. Langkah terakhir inilah merupakan inti dari sebuah usaha rekonstruksi dalam membina bahasa purba kerana akan menentukan fonem purba pada setiap set-set korespondensi/kesepadanan bunyi tersebut. Dalam hal ini, iaitu untuk menentukan fonem purba, terdapat prinsip yang penting bahawa setiap set korespondensi tersebut hanya menurunkan satu fonem purba sahaja. Prinsip penentuan satu fonem purba [Campbell \(2001\)](#) dan [Crowley dan Bower \(2010\)](#) diringkaskan seperti berikut:

- rekonstruksi mesti melihat perubahan bunyi yang munasabah. Yakni, perubahan bunyi yang umumnya berlaku pada bahasa dunia.
- sebuah fonem paling banyak dalam bahasa turunan dapat dianggap sebagai pantulan linear daripada fonem purba.
- rekonstruksi mesti mengisi ruang kosong (O) pada sesuatu sistem fonologi sesuatu bahasa, daripada mencipta satu sistem fonologi yang tidak seimbang pada bahasa tersebut.
- sebuah fonem purba tidak boleh direkonstruksikan sehingga fonem tersebut betul-betul wujud dan dapat dibuktikan pada bahasa turunan.

Seterusnya, menurut [Rahim \(2018:25\)](#), sebelum menentukan fonem purba, perkara penting yang perlu dilakukan adalah mengesan pengulangan setiap set korespondensi tersebut dalam kata-kata yang lain. Ini dikenali juga sebagai rekurensi. Setelah dikesan adanya rekurensi, barulah ditetapkan fonem purba. Pengesanan rekurensi sangat penting kerana berkait dengan soal kesahihan sesuatu fonem yang direkonstruksikan. Fonem purba akan diragui jika tiada rekurensi tersebut. Sebagai contoh untuk menerangkan langkah ketiga ini, diperturunkan kembali data set korespondensi/kesepadanan bunyi [Jadual 2](#), melalui penerangan jadual rekontruksi yang lengkap. Rujuk [Jadual 3](#) tatakaedah kualitatif, rekonstruksi fonem yang lengkap.

Jadual 3: Rekonstruksi fonem purba bagi kata [*tadzam*]

| PRH  | KRN | SLRG | APNS | KHLU | PDG<br>KNYT | BNGR | BSLM | SPG<br>PLAI | Rekurensi       | FONEM<br>PURBA |
|------|-----|------|------|------|-------------|------|------|-------------|-----------------|----------------|
| /t:  | t:  | t:   | t:   | t:   | t:          | t:   | t:   | t/          | 1 dan 6         | *t             |
| /a:  | a:  | a:   | a:   | a:   | a:          | a:   | a:   | a/          | 1, 2, dan 3     | *a             |
| /dʒ: | dʒ: | dʒ:  | dʒ:  | dʒ:  | dʒ:         | dʒ:  | dʒ:  | dʒ /        | 3               | *dʒ            |
| /æ:  | e:  | e:   | ɛ:   | a:   | a:          | a:   | ɛ:   | a/          | 5               | *e             |
| /O:  | ŋ:  | ŋ:   | n:   | ŋ:   | ŋ:          | ŋ:   | O:   | ŋ/          | 1 dan 3         | *ŋ             |
|      |     |      |      |      |             |      |      |             | Morfem<br>Purba | *tadzŋ         |


Berdasarkan [Jadual 3](#), penerimaan fonem purba \*t, \*a, \*dʒ, \*e dan \*ŋ didasari oleh prinsip pemilihan fonem purba oleh [Campbell \(2001\)](#) serta [Crowley dan Bower \(2010\)](#) dan wujudnya rekurensi bunyi berdasarkan [Jadual 1](#). Berdasarkan data-data dalam [Jadual 1](#), dikesani wujudnya rekurensi bunyi [t], [a], [dʒ], [e] dan [ŋ] untuk kesepadanan bunyi \*t, rekurensinya wujud dalam data bernombor 1 dan 6 dalam [Jadual 1](#). Bagi kesepadanan bunyi \*a rekurensinya wujud dalam data bernombor 1, 2 dan 3 dalam [Jadual 1](#). Manakala kesepadanan bunyi \*dʒ dan \*e rekurensinya masing-masing wujud dalam data bernombor 3 dan 5. Bagi kesepadanan bunyi \*ŋ rekurensinya wujud dalam data bernombor 1 dan 3 dalam [Jadual 1](#). Maka secara tidak langsung, morfem/kata/etimon purba yang terhasil merupakan \*tadzŋ.

Hasilnya, persembahan analisis rekonstruksi fonem dan morfem purba \*tadʒen direpresentasikan seperti, DHPUP \*tadʒen 'tjam > PRH tadʒæ, BSLM tadʒE; KRN dan SLRG tadʒen; KHLU, PDG KNYT SPG PLAI dan BNGR tadʒaŋ; APNS tadʒen. Seterusnya, untuk menonjolkan rekonstruksi fonem purba, pemaparan analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual mengikut kehadiran fonem-fonem pada setiap posisi kata dalam perkataan.

#### 4. Hasil Kajian

Bahagian hasil kajian akan memerihalkan secara terperinci mengenai rekonstruksi sistem fonologi dialek HPU, merangkumi vokal dan konsonan sahaja. diftong dalam dialek HPU tiada, proses yang berlaku lebih kepada moftong dan diftongisasi lanjutan. Rekonstruksi yang dilakukan akan menyentuh tentang jumlah, inventori dan distribusi fonem. Matlamat rekonstruksi akan dicapai dengan menggunakan kaedah rekonstruksi dalaman ( *internal reconstruction*). Secara tidak langsung, analisis rekonstruksi fonem akan dibandingkan dengan data Melayik Purba (MP) oleh Adeelar (1992). Adeelar (1992) dalam tesisnya melakukan penyelidikan komparatif bahasa Melayu terhadap enam isolek Melayu seperti Rajah 1. Hasil rekonstruksi fonem yang dilakukan, terdapat 4 fonem vokal purba \*i, a, \*ə dan \*o, 2 diftong \*-aw dan \*-ay serta konsonan, p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*s, \*h, \*c, \*j, \*ɣ, \*m, \*n, \*ŋ, \*l.

Rajah 1: Klasifikasi bahasa Melayik Purba (Adeelar, 1992)



Hasil perbandingan terhadap kesepadanan bunyi dan hasil rekonstruksi ke atas sembilan varian di HPU seperti Perah (PRH), Kerunai (KRN), Selarong (SLRG), Air Panas (APNS), Kuak Hulu (KHLU), Padang Kunyit (PDG KNYT), Bongor (BNGR), Bersia Lama (BSLM), dan Simpang Pulai (SPG PLAI), maka dapatan rekonstruksi memperlihatkan dialek purba HPU (DHPUP) memiliki 18 buah konsonan purba, dan 6 vokal purba.

##### 4.1. Rekonstruksi Fonem Vokal DHPUP

DHPUP memiliki 6 buah vokal yang terdiri daripada \*i, \*e, \*u, \*o, \*ə dan \*a. Secara tidak langsung, vokal ini memperlihatkan inovasi daripada vokal bahasa Melayik Purba (MP) seperti mana yang diutarakan oleh Adeelar (1992), yang hanya memiliki 4 vokal purba \*i, \*u, \*ə dan \*a. Vokal DHPUP ini dapat dikelompokkan kepada tiga jenis vokal. Pertama, vokal depan \*i, \*a dan \*e. Kedua vokal tengah \*ə dan ketiga, vokal belakang \*u dan \*o. Ringkasnya, paparan vokal ini dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jelaslah paparan vokal DHPUP dalam Jadual 4 melebihi dua jenis vokal daripada MP, iaitu inovasi vokal \*e dan \*o daripada MP. Berdasarkan pandangan Adeelar (1992), beliau tidak merekonstruksi vokal [e] dan [o] kerana kedua-dua vokal ini dianggap sebagai perkembangan daripada vokal [i] dan [u] dalam dialek-dialek Melayu lain. Menurut Asmah (2015), sistem enam vokal bahasa Melayu "...adalah perkembangan dari sistem empat-vokal bahasa Melayu Purba", iaitu \*i, \*ə, \*a, dan \*u. Telah dibuktikan salah

satu ciri bahasa Melayu Induk adalah vokal /i/ dan /u/ memperlihatkan pemecahan fonemik dari (bahasa Austronesia Purba (BAP), iaitu \*i menjadi /i/ dan /e/ dan \*u menjadi /u/ dan /o/.

Jadual **Error! No text of specified style in document.:** Inventori vokal DHPUP

|                | Depan | Tengah | Belakang |
|----------------|-------|--------|----------|
| Tinggi         | *i    |        | *u       |
| Separuh tinggi | *e    |        | *o       |
| Madya          |       | *ə     |          |
| Rendah         | *a    |        |          |

Berbeza dengan kajian DHPU, data yang diperolehi dalam 9 varian yang dikaji dapat membuktikan bahawa vokal \*e dan \*o wajar untuk direkonstruksikan. Berbeza dengan kajian awal [Nur Habibah \(2021\)](#) yang menyatakan DHPUP memiliki 4 vokal purba, refleksi daripada bahasa Induk, Melayik Purba \*i, \*ə, \*a dan \*u. Terdapat dua alasan yang munasabah vokal ini direkonstruksikan. Pertama, wujud beberapa pasangan minimal bagi fonem /e/ untuk kata 'naik' dan 'nak' serta fonem /o/ untuk kata 'kasar' dan 'kasau'. Alasan kedua, kedua-dua vokal ini juga telah menepati keempat-empat syarat rekonstruksi fonem yang di utarakan oleh [Crowley dan Bown \(2010:85-92\)](#) serta [Rahim \(2018\)](#) iaitu:

- rekonstruksi mesti melihat perubahan bunyi yang munasabah. Yakni, perubahan bunyi yang umumnya berlaku pada bahasa dunia.
- sebuah fonem paling banyak dalam bahasa turunan dapat dianggarkan sebagai pantulan linear daripada fonem purba.
- rekonstruksi mesti mengisi ruang kosong (O) pada sesuatu sistem fonologi sesuatu bahasa, daripada mencipta satu sistem fonologi yang tidak seimbang pada bahasa tersebut.
- sebuah fonem purba tidak boleh direkonstruksikan sehingga fonem tersebut betul-betul wujud dan dapat dibuktikan pada bahasa turunan.

Oleh hal yang demikian, peringkat awal rekonstruksi bagi DHPUP ini akan merekonstruksikan sebanyak 6 vokal purba yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Secara umumnya DHPUP ini telah memperlihatkan keistimewaannya yang tersendiri jika ingin dibandingkan dengan dialek-dialek Melayu yang lain. Berikut adalah hasil rekonstruksi vokal DHPUP yang dianalisis dipersembahkan dalam bentuk jadual-jadual berikut.

#### 4.2. Rekonstruksi Fonem Vokal Hadapan DHPUP \*i dan \*e

DHPUP memiliki dua vokal depan, iaitu vokal depan tinggi \*i dan vokal depan separuh tinggi \*e. Vokal DHPUP \*i hadir pada semua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir terbuka dan tertutup. Pada suku ata praakhir dan suku kata akhir tertutup, DHPUP \*i muncul dalam beberapa bentuk berbeza, misalnya \*i kepada [i] dan [iʲ] di akhir kata. [Jadual 5](#) menunjukkan contoh kehadiran DHPUP \*i dalam kesemua sembilan varian yang dikaji

Jadual 5: Refleks MP \*i kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Vokal *i | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dan dalam 9 varian HPU |
|----------|------------------------|-------------------------------------------------------|
| *i       | Awal kata              | MP *ikan 'ikan' > DHPUP *ikan; PRH ika; ; KRN,        |

|                          |                                                                                                                                |
|--------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                          | BNGR, APNS iken; SLRG iken; KHLU ikan; PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI ike                                                         |
| Suku kata praakhir       | MP *ka-iri 'kiri' > DHPUP *kiʔiʔ; PRH, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI kʰiʔiʔ; BNGR, dan BSLM kiʔiʔ; PDG KNYT dan KRN kiriʔ         |
| Suku kata akhir tertutup | MP *kunit 'kuning' > DHPUP *kuniŋ; PRH kune ʔŋ; KRN, BNGR dan BSLM kunin; SLRG kuneŋ; APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI kuniŋ |
| Suku kata akhir terbuka  | MP *hari 'hari' > DHPUP *haʔi; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI haʔiʔ.                            |

Manakala vokal depan separuh tinggi \*e kehadirannya dapat dilihat awal kata, suku kata akhir tertutup dan suku kata akhir. Pada suku kata akhir tertutup, DHPUP \*e muncul dalam beberapa bentuk berbeza, misalnya \*e kepada [ɛ] dan [aʔ], manakala di suku kata akhir terbuka, \*e mempunyai alofon dengan [ɛ]. Walau bagaimanapun, ini adalah rekonstruksi pada peringkat awal. Kewujudan [e] di akhir kata amat kurang di lapangan, jadi rekonstruksi semula boleh menjadi penambahbaikan dalam kes ini. [Jadual 6](#) menunjukkan contoh kehadiran DHPUP \*e dalam kesemua sembilan varian yang dikaji.

Jadual 6: Rekonstruksi vokal \*e DHPUP dalam 9 Varian

| Vokal *e | Penyebaran pada posisi   | Rekonstruksi vokal *e DHPUP dalam 9 varian HPU                                                                                                                                                  |
|----------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *e       | Awal kata                | DHPUP *eko > PRH, BSLM ekɔ; KRN, PDG KNYT, BNGR, SLRNG, APNS ɛkɔ; KHLU, SPG PLAI iko                                                                                                            |
|          | Suku kata akhir tertutup | DHPUP *adek 'adik' > PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI adeʔ                                                                                                        |
|          | Suku kata akhir          | DHPUP *ne 'enam' > PRH, SLRG, BSLM ne; KRN, APNS, PDG KNYT, BNGR, SPG PLAI nɛ; KHLU naŋ.<br><br>DHPUP *pase 'pasir' > PRH pasæ; KRN, SLRG, KHLU, BNGR pase; APNS, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI pase |

#### 4.3. Rekonstruksi Fonem Vokal Tengah DHPUP \*a dan \*ə

DHPUP memiliki dua vokal tengah, iaitu vokal tengah \*a dan \*ə. Vokal DHPUP \*a hadir pada semua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup dan akhir kata. Vokal ini direkonstruksi berdasarkan kesepadanan bunyi yang teratur dalam kesemua varian yang dikaji. Refleks DHPUP \*a > MP\*a boleh dilihat dalam [Jadual 7](#).

Seterusnya, vokal tengah separuh rendah DHPUP \*ə hanya hadir pada posisi suku kata praakhir dalam semua varian HPU. Berdasarkan kesepadanan yang teratur pada posisi tersebut, maka fonem /ə/ boleh direkonstruksikan. Vokal DHPUP \*ə merupakan warisan secara langsung daripada MP \*ə. Selain daripada itu, \*ə dilihat hadir secara geluncuran

pada suku kata pertama, yang melibatkan kata trisuku. Berikut dipaparkan contoh refleks DHPUP \*ə dalam ke semua sembilan varian HPU. Rujuk [Jadual 8](#).

Jadual 7: Refleks MP \*a kepada DHPUP dan 9 Varian

| Vokal *a | Penyebaran pada posisi   | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                                      |
|----------|--------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *a       | Awal kata                | MP *akaŋ ‘akar’ > DHPUP *aka; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, PDG KNYT, BSLM, dan SPG PLAI aka:                                                  |
|          | Suku kata praakhir       | MP *bakaŋ ‘bakar’ > DHPUP *baka; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, PDG KNYT, BSLM, dan SPG PLAI baka:                                              |
|          | Suku kata akhir tertutup | /-an/<br>MP *taŋan ‘tangan’ > DHPUP *taŋaŋ; PRH, BSLM, taŋe; KRN, APNS dan BNGR taŋen; KHLU, PDG KNYT, SPG PLAI taŋaŋ; SLRG taŋeŋ.                 |
|          |                          | /-at/<br>MP *bərat ‘berat’ > DHPUP *bəŋat; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI bəŋa?                                     |
|          |                          | /-as/<br>MP *malas ‘malas’ > DHPUP *malah; PRH, KRN, dan PDG KNYT malah; SLRG, APNS dan BNGR malaç; KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI maleh; BSLM maləh |
|          |                          | /-ak/<br>MP *m/asak/tanak ‘masak’ > DHPUP *masak; PRH, KRN, dan BSLM masə?; SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR dan SPG PLAI masa?.                   |
|          | Akhir kata               | MP* muka> DHPUP * muka; PRH, KRN, BNGR, dan BSLM mukə; SLRG, KHLU, PDG KNYT, APNS, dan SPG PLAI muka.                                              |

Jadual 8: Refleks MP \*ə kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Vokal *ə | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                                                                                                                              |
|----------|------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *ə       | Awal kata              | -                                                                                                                                                                                                                                          |
|          | Suku kata praakhir     | MP *dəkat ‘dekat’ > DHPUP *dəkat; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI dəka?<br><br>MP* bəŋkak ‘bengkak’ > DHPUP *bəkok; PRH dan BSLM bəko?; KRN, SLRG, BNGR, dan SPG PLAI bəko?; APNS, KHLU, dan PDG KNYT bəka? |
|          | Akhir kata             | -                                                                                                                                                                                                                                          |

#### 4.4. Rekonstruksi Fonem Belakang DHPUP \*u dan \*o

Vokal belakang tinggi \*u hadir pada semua posisi suku kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup dan akhir kata. Vokal purba ini direkonstruksikan berdasarkan kesepadanan yang teratur dalam kesemua varian. Refleks \*u pada posisi suku kata akhir memperlihatkan alofon u<sup>w</sup>. [Jadual 9](#) menunjukkan contoh refleks DHPUP \*u.

Jadual 9 Refleks MP \*u kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Vokal *u | Penyebaran pada posisi   | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                      |
|----------|--------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *u       | Awal kata                | MP *uləʔ 'ular' > DHPUP *ula; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI ula; ; BNGR dan BSLM ulə.                         |
|          | Suku kata praakhir       | MP *m/u(n)tah 'muntah' > DHPUP *mutoh; PRH dan BNGR, mutoh; KRN, SLRG, BSLM, BNGR mutəh; APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI mutah. |
|          | Suku kata akhir tertutup | MP *bunuh 'bunuh' > DHPUP *bunuh; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI bunuh.                             |
|          | Akhir kata               | MP *malu 'malu' > DHPUP *malu; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI malu <sup>w</sup> .                   |

Seterusnya adalah rekonstruksi vokal belakang separuh tinggi \*o. Situasi vokal \*o ini juga mempunyai persamaan dengan vokal \*e. Vokal \*o memperlihatkan kehadirannya juga pada semua posisi kata. Vokal \*o ini memperlihatkan alofon yang berbeza seperti /ɔ/ pada posisi suku kata praakhir, dan /ɔ/, /o<sup>w</sup>/ pada suku kata akhir tertutup. [Jadual 10](#) menunjukkan contoh refleks DHPUP \*o dalam ke semua sembilan varian HPU.

Jadual 10: Rekonstruksi vokal belakang separuh tinggi \*o dalam 9 varian HPU

| Vokal *o | Penyebaran pada posisi   | Contoh DHPUP dalam 9 varian                                                                                                                                                                                             |
|----------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *o       | Awal kata                | DHPUP *oʔaŋ 'orang' > PRH, BSLM oʔe; KRN, BNGR oʔa; SLRG, APNS oʔeŋ; PDG KNYT oʔaŋ; KHLU dan SPG PLAI uʔaŋ<br><br>DHPUP *otaŋ 'otak' > PRH, BSLM otaʔ; KRN ɔtaʔ, SLRG APNS, BNGR, PDG KNYT ɔtaʔ; KHLU dan SPG PLAI utaʔ |
|          | Suku kata praakhir       | DHPUP *pokoŋ 'pohon' > PRH, BSLM pokoʔ; KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, SPG PLAI PDG KNYT pokəʔ                                                                                                                            |
|          | Suku kata akhir tertutup | DHPUP *dʒaŋ 'mendung' > KRN, BNGR dʒaʔ <sup>w</sup> ; SLRG, KHLU, BSLM, SPG PLAI dʒaŋ, PRH APNS ʔəduʔ; PDG KNYT ʔədup                                                                                                   |

DHPUP \*dʒaonʹ mendungʹ > KRN, BNGR dʒaɔ<sup>w</sup>ŋ; SLRG, KHLU, BSLM, SPG PLAI dʒaon, PRH APNS ʔəduʔ; PDG KNYT ʔədup

Suku kata akhir DHPUP \*piso 'pisau' > PRH, SLRG, APNS, KHLU, BSLM, BNGR piso: KRN, PDG KNYT, SPG PLAI pisa;

DHPUP \*kaso 'kasau' > PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, SPG PLAI kaso.

#### 4.5. Rekonstruksi Fonem Konsonan DHPUP

Berdasarkan perangkat kesepadanan kosa kata yang dilakukan didapati DHPUP memiliki 18 buah konsonan yang terdiri daripada konsonan letupan, geseran, letusan, nasal, lateral dan separuh vokal sebagaimana dalam Jadual

Jadual 11: Inventori Konsonan DHPUP

|               |                | Bilabial | Dental | Alveolar | Palatal | Velar | Glotal |
|---------------|----------------|----------|--------|----------|---------|-------|--------|
| Plosif        | Tidak bersuara | *p       |        | *t       |         | *k    |        |
|               | Bersuara       | *b       |        | *d       |         | *g    |        |
| Nasal         | Bersuara       | *m       |        | *n       | *ɲ      | *ŋ    |        |
| Frikatif      | Bersuara       |          |        |          |         | *ʁ    |        |
|               | Tidak bersuara |          |        | *s       |         |       | *h     |
| Afrikat       | Tidak bersuara |          |        |          | *tʃ     |       |        |
|               | Bersuara       |          |        |          | *dʒ     |       |        |
| Lateral       | Bs.            |          |        | *l       |         |       |        |
| Separuh vokal | Bs.            | *w       |        |          | *y      |       |        |

Dalam jadual di atas menunjukkan inventori konsonan DHPUP memiliki enam buah konsonan letupan \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, dan \*g ; tiga buah konsonan geseran, \*s, \*h dan \*ʁ; dua buah konsonan letusan, \*tʃ dan \*dʒ; empat buah konsonan nasal, \*m, \*n, \*ŋ dan \*ɲ; sebuah konsonan lateral \*l; dan dua buah separuh vokal, \*w dan \*y.

#### 4.6. Rekonstruksi Konsonan Letupan Tidak Bersuara DHPUP

Konsonan letupan dua bibir tidak bersuara \*p hadir pada semua posisi kata: awal, antartvokal/tengah kata dan akhir kata, begitu juga dengan konsonan gigi gusi tidak bersuara \*t. Kewujudan dua konsonan ini pada posisi yang dinyatakan memperlihatkan kesepadanan yang konsisten. Disebabkan penyebarannya yang sedemikian, ini membuktikan rekonstruksi konsonan letupan DHPUP \*p dan \*t boleh dilakukan pada semua posisi kata. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan DHPUP \*p dan \*t merupakan refleksi secara langsung daripada konsonan bahasa purba yang lebih tinggi tahapnya, iaitu MP \*p dan \*t.

Konsonan DHPUP \*p dan \*t masing-masing hadir sebagai [p] dan [t] pada dua posisi kata awal dan antarvokal. Sebaliknya, \*p dan \*t muncul sebagai [ʔ] pada akhir kata sebelum kesenyapan, kecuali bagi varian KRN dan PDG KYT tetap muncul sebagai [p] dan [t] di akhir kata sebelum kesenyapan. Ini merupakan refleks secara langsung dari MP. Keadaan ini juga berlaku dalam dialek Ulu Terengganu. Menurut [Collins \(1983:40\)](#), sebenarnya [p] dan [t] masih berpengaruh di akhir kata walaupun bentuk lahirnya sudah berubah. Dengan demikian, konsonan DHPUP \*p dan \*t adalah warisan langsung daripada MP \*p dan \*t dan refleks DHPUP \*p dan \*t dalam varian HPU adalah seperti dalam [Jadual 12](#).

Jadual 12: Refleks MP \*p dan \*t kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan letupan | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                                            |
|------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *p               | Awal kata              | MP *pərut 'perut' > DHPUP *pəʔot; SLRG, APNS, KHLU dan BNGR pəʔoʔ; BSLM dan SPG PLAI p <sup>ə</sup> ʔoʔ; PRH pəʔo <sup>w</sup> ʔ; PDG KNYT dan KRN pərot |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *api 'api' > DHPUP *api; PRH, KRN, SLRG, APNS, KLHU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI api <sup>y</sup>                                               |
|                  | Akhir kata             | MP *hatəp 'atap' > DHPUP *hatap; PRH, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, BSLM dan SPG PLAI hataʔ; KRN dan PDG KNYT hatap                                            |
| *t               | Awal kata              | MP *tajem 'tjam' > DHPUP *tadzən; PRH tadzæ, BSLM tadzɛ; KRN dan SLRG tadzən; KHLU, PDG KNYT SPG PLAI dan BNGR tadzən; APNS tadzən.                      |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *m/ati 'mati' > DHPUP *mati; PRH, KRN, SLRG, APNS, KLHU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI mati <sup>y</sup>                                          |
|                  | Akhir kata             | MP *pərut 'perut' > DHPUP *pəʔot; SLRG, APNS, KHLU dan BNGR pəʔoʔ; BSLM dan SPG PLAI p <sup>ə</sup> ʔoʔ; PRH pəʔo <sup>w</sup> ʔ; PDG KNYT dan KRN pərot |

Konsonan letupan tidak bersuara yang ketiga pula ialah konsonan letupan langit lembut \*k hadir pada semua posisi kata, iaitu pada posisi awal, antarvokal dan akhir kata. Konsonan /k/ direkonstruksikan pada tahap DHPUP sebagai \*k memperlihatkan kesepadanan yang teratur pada posisi awal kata dan antarvokal \*k muncul sebagai [k], manakala di akhir kata \*k muncul sebagai [ʔ]. Tetapi konsonan ini hanya sebagai alofon /k/. Konsonan DHPUP \*k adalah warisan langsung daripada MP \*k dan refleks DHPUP \*k dalam varian HPU adalah seperti [Jadual 13](#).

Jadual 13: Refleks MP \*k kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan letupan | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                         |
|------------------|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *k               | Awal kata              | MP *kuliʔ 'kulit' > DHPUP *kuliʔ; PRH, APNS dan BNGR kulaʔ; SLRG, PDG KNYT, BSLM kuliʔ; KRN, SPG PLAI dan KHLU kuleʔ. |

|                        |                                                                                                                  |
|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tengah kata/Antarvokal | MP *ikat 'ikat' > DHPUP *ikat; PRH, KRN, SLRG, APNS, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI ika?; KHLU bəyəkah        |
| Akhir kata             | MP *ləmæk 'lemak' > DHPUP *ləmak; PRH, KRN, BNGR, BSLM dan SPG PLAI ləmɔ?; SLRG lʰmo?; APNS, KHLU, PDG KYT ləma? |

#### 4.7. Rekonstruksi Konsonan Letupan Bersuara DHPUP

DHPUP memiliki tiga buah konsonan letupan bersuara iaitu \*b, \*d dan \*g. Ketiga-tiga konsonan ini direkonstruksikan hanya pada dua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata dan antar vokal. Bagi konsonan /d/ dan /b/ ia tidak muncul pada posisi akhir kata dalam DHPUP kerana kebanyakan yang ada hanyalah kosa kata pinjaman daripada bahas Arab. Begitu juga dengan konsonan letupan lelangit lembut bersuara /g/ tidak menempati pada posisi akhir kata. Jika mengikut [Adeelar \(1992\)](#), [g] merupakan salah satu inovasi MP, iaitu konsonan letupan akhir bersuara BMPP menjadi tidak bersuara dalam MP. BMPP \*g > [k] dalam MP.

Keberadaan konsonan DHPUP \*b, \*d dan \*g pada posisi awal kata dan antarvokal memperlihatkan kesepadanan yang teratur. Dengan adanya kesepadanan yang demikian, maknanya ketiga-tiga konsonan ini dianggap sebagai fonem DHPUP. Kemunculan konsonan tersebut dalam DHPUP merupakan refleks secara langsung daripada MP \*b, \*d, dan \*g. Kehadirannya dalam sembilan varian yang dibandingkan adalah seperti dalam [Jadual 14](#).

Jadual 14: Refleks MP \*b, \*d, dan \*g kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan letupan | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                 |
|------------------|------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *b               | Awal kata              | MP *buruŋ 'burung' > DHPUP *buʔoŋ; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI buʔoŋ                        |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *rambut 'rambut' > DHPUP *ʔambot; PRH, APNS, dan BNGR ʔamboʷ?; KRN, SLRG, KHLU, SPG PLAI, ʔaboʷ?; BSLM dan PDG KNYT ʔambo? |
| *d               | Awal kata              | MP *deŋər 'dengar' > DHPUP *dəŋa; PRH, KRN, SLRG, APNS, KLHU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI dəŋa:                          |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *hiduŋ 'hidung' > DHPUP *idoŋ; PRH, KRN, SLRG, APNS, KLHU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI idoŋ                           |
| *g               | Awal kata              | MP *guruŋ 'guruh' > DHPUP *guʔoh; PRH, SLRG, APNS, KLHU, BNGR, BSLM dan SPG PLAI guʔoh; KRN dan PDG KNYT guroh                |

#### 4.8. Rekonstruksi Konsonan Geseran DHPUP

DHPUP memiliki tiga buah konsonan geseran iaitu geseran alveolar \*s, geseran velar \*ʔ dan geseran glotis \*h. Konsonan geseran alveolar \*s ini hanya muncul pada awal dan antarvokal sahaja. Walau bagaimanapun, setelah penelitian dibuat, DHPUP \*s sebenarnya muncul pada posisi akhir kata, namun ia muncul sebagai geseran glotis [h]. Keadaan ini berlaku juga dalam dialek Melayu Timur, misalnya dalam dialek Ulu Terengganu dan dialek Hulu Pahang. Kemunculan ini dianggap sebagai hasil proses fonologi dalam DHPUP yang telah merubah DHPUP \*s kepada [h]. Namun, bagi varian SLRG, APNS dan BNGR, /s/ dan /h/ pada posisi akhir kata akan muncul sebagai [ç]. Tetapi konsonan ini hanya sebagai alofon [h], itu pon ia hanya berlaku pada lingkungan tertentu sahaja dan bersifat sporadik, iaitu hanya pada akhiran /-as/ dan /-is/. Jadi, ditetapkan bahawa rekonstruksi pada posisi akhir kata sebagai DHPUP \*h. Refleks DHPUP \*s dalam varian HPU adalah seperti dalam [Jadual 15](#).

Jadual 15: Refleks MP \*s kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan geseran | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                        |
|------------------|------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *s               | Awal kata              | MP *səmpit 'sempit' > DHPUP *səpit; PRH, KHLU kətʃiʔ; KRN dan SPG PLAI səpet; SLRG sʰpiʔ; APNS, BNGR səpaʔ, BSLM dan SPG PLAI səpiʔ. |
|                  |                        | MP *əsəʔ 'satu' > DHPUP *sa; PRH, APNS, PDG KNYT satuʷ; KRN, KHLU BNGR, BSLM sə; SLRG sa; SPG PLAI satuʔ                             |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *pusət 'pusat' > DHPUP *pusat; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI pusaʔ                                 |
|                  |                        | MP *pisaw 'pisau' > DHPUP *piso; PRH, BNGR piso; KRN, KHLU, PDG KNYT, BNGR, SPG PLAI pisa; SLRG dan APNS piso                        |

Seterusnya ialah konsonan geseran velar bersuara /ʔ/. Berdasarkan kesepadanan bunyi yang teratur pada posisi awal kata dan suku kata praakhir dalam semua varian yang dikaji, maka fonem /ʔ/ boleh direkonstruksikan sebagai fonem purba DHPUP \*ʔ. Berdasarkan rekonstruksi yang dilakukan, DHPUP \*ʔ adalah turunan secara langsung daripada MP \*ʔ. [Jadual 16](#) adalah contoh refleks DHPUP \*ʔ.

Jadual 16: Refleks MP \*ʔ kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan geseran | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                    |
|------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *ʔ               | Awal kata              | MP *ʔumah 'rumah' > DHPUP *ʔumoh; KRN, SLRG, dan BNGR ʔumoh; APNS, KHLU, dan PDG KNYT, ʔumah; PRH dan BSLM ʔomoh; SPG PLAI umah. |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *pərah 'perah' > DHPUP *pəʔoh; PRH dan BNGR pəʔoh; KRN pəʔh; SLRG, BSLM pəʔh; APNS, KHLU dan SPG PLAI pəʔah; PDG KNYT pərah.  |

Konsonan geseran yang terakhir ialah konsonan DHPUP \*h. Disebabkan adanya kesepadanan bunyi yang teratur dalam semua varian yang dikaji, membolehkannya direkonstruksikan pada semua posisi, iaitu posisi awal, tengah kata/antarvokal dan akhir kata. Persamaan kesepadanan bunyi DHPUP konsonan \*h ini dilihat mempunyai persamaan dengan dialek Hulu Pahang kajian [Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi A \(2014\)](#). Buktinya kehadiran konsonan \*h pada setiap posisi akhir kata berasal-puncakan daripada dua fonem purba yang berlainan. Boleh jadi [h] itu berasal daripada \*s, dan boleh jadi juga berasal daripada \*h ([Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi, 2014:100](#)). Posisi antarvokal pula, kadang kala berlaku aspirasi, dan ada juga data yang menggugurkan /h/, misalnya bagi kata yang diapit oleh vokal yang berlainan. Contoh-contoh refleksi DHPUP \*h yang dimaksudkan dipaparkan dalam [Jadual 17](#).

Jadual 17: Refleksi MP \*h kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan geseran | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleksi MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                   |
|------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *h               | Awal kata              | MP *hatəp 'atap' > DHPUP *hatap; PRH, SLRG, APNS, KHLU, BNDR, BSLM dan SPG PLAI hata?; KRN dan PDG KNYT hatap.                   |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *jahat 'jahat' > DHPUP *dzahat; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNDR, BSLM dan SPG PLAI dzaha?.                         |
|                  | Akhir Kata             | MP *pərah 'perah' > DHPUP *pəʔoh; PRH dan BNDR pəʔoh; KRN pəroh; SLRG, BSLM pəʔh; APNS, KHLU dan SPG PLAI pəyah; PDG KNYT pərah. |

#### 4.9. Rekonstruksi Konsonan Letusan DHPUP

DHPUP memiliki dua konsonan letusan, iaitu \*dʒ dan \*tʃ. Kedua-dua konsonan ini direkonstruksikan pada dua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata dan posisi antarvokal. Hal ini kerana keberadaan konsonan \*dʒ dan \*tʃ pada kedua-dua posisi yang dinyatakan terdapat kesepadanan yang cukup teratur dalam varian-varian yang dibandingkan. Oleh itu, DHPUP \*dʒ dan \*tʃ merupakan refleksi daripada MP \*c dan \*j. [Jadual 18](#) menunjukkan kehadiran DHPUP konsonan \*dʒ dan DHPUP konsonan \*tʃ dalam sembilan varian di HPU.

Jadual 18: Refleksi MP \*dʒ, dan \*tʃ kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan letusan | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleksi MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                               |
|------------------|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *dʒ              | Awal kata              | MP *jatuh 'jatuh' > DHPUP *dzatoh; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNDR, BSLM dan SPG PLAI dzatoh                      |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *hijaw 'hijau' > DHPUP *hidʒo; PRH, SLRG, BNDR dan BSLM idʒo; KRN, KHLU, APNS, dan PDG KNYT hidʒo; SPG PLAI idʒa          |
| *tʃ              | Awal kata              | MP *cabut 'cabut' > DHPUP *tʃabot; PRH, APNS dan BNDR tʃaboʔ; KRN, SLRNG, KHLU dan PDG KNYT tʃabuʔ; BSLM dan SPG PLAI tʃaboʔ |

Tengah  
kata/Antarvokal

MP \*cacij 'cacing' > DHPUP \*tjatjij; PRH, KRN, KHLU, BNGR dan SPG PLAI tjatjij; SLRG, APNS, PDG KYT dan BSLM tjatfej

#### 4.10. Rekonstruksi Konsonan Nasal DHPUP

DHPUP memiliki empat buah konsonan nasal, iaitu yang terdiri daripada \*m, \*n, \*ɲ dan \*ŋ. Tiga buah konsonan nasal purba \*m, \*n, dan \*ɲ ini hadir pada dua posisi kata, iaitu pada awal kata dan antarvokal, berbeza dengan konsonan purba \*ŋ dilihat hadir pada kesemua posisi kata, iaitu awal, antarvokal dan akhir kata. Kehadiran keempat-empat konsonan nasal dalam varian HPU memperlihatkan kesepadanan yang teratur membolehkan konsonan ini direkonstruksikan.

Keadaan DHPUP yang menunjukkan perubahan nasal pada akhir kata ini secara tidak langsung ia mengingatkan kita pada dialek Ulu Terengganu. Menurut [Collins \(1983:32\)](#), dalam dialek Ulu Terengganu prosesnya (nasal akhir kata) lebih berbelit-belit, kerana nasal akhir kata mempengaruhi bentuk vokal yang mendahuluinya. Begitu juga berlaku dalam DHPUP. Nasal di akhir kata \*ŋ wujud bagi kata yang diikuti oleh vokal tinggi [i] dan [u]. Selain itu juga, jika dalam bahasa Melayu standard, nasal akan digugurkan dalam kata yang berakhiran /-an/ dan /-am/ dan mengubah nilai vokal tersebut, namun dalam DHPU hanya varian PRH, BSLM dan SPG PLAI dilihat secara teratur berlaku penguguran nasal di akhir kata, varian selebihnya masih mengekalkan nasal di akhir kata sama ada /-n/ atau /-ŋ/ mengikut sesuatu kata. [Jadual 19](#) menunjukkan kehadiran konsonan sengauan dalam sembilan varian di HPU.

Jadual 19: Refleks MP \*m, \*n, \*ɲ dan \*ŋ kepada DHPUP dan 9 Varian

| Konsonan nasal | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian                                                                                   |
|----------------|------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *m             | Awal kata              | MP *ma-iŋah 'merah' > DHPU *miŋah; PRH, SLRG, BNGR, BSLM dan SPG PLAI mɛŋɔh; KRN dan PDG KNYT merah; APNS dan KHLU mɛŋah        |
|                | Tengah kata/Antarvokal | MP *ŋumah 'rumah' > DHPU *ŋumoh; KRN, SLRG, dan BNGR ŋumɔh; APNS, KHLU, dan PDG KNYT, ŋumah; PRH dan BSLM ŋɔmoh; SPG PLAI umah. |
| *n             | Awal kata              | MP *nipis 'nipis' > DHPUP *nipih; PRH *nipɛh; KRN, KHLU nipeh; SLRG, APNS dan BNGR nipiɕ; PDG KYT, BSLM nipih; SPG PLAI tipuh   |
|                | Tengah kata/Antarvokal | MP *anak 'anak' > DHPUP *anak; PRH, KRN, dan BSLM anɔʔ; SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR anaʔ; SPG PLAI aneʔ.                   |
| *ɲ             | Awal kata              | MP *ɲamuk 'nyamuk' > DHPUP *ɲamok; PRH, APNS dan BNGR ɲamɔʷʔ; KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT, ɲamɔʔ; BSLM dan SPG PLAI ɲamuʔ         |

|    |                        |                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | Tengah kata/Antarvokal | MP *anjɪŋ 'anjing' > DHPUP *həŋɪŋ; PRH həŋɪŋ; BNGR əŋɪŋ; APNS dan BSLM həŋɪŋ; KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI həŋɪŋ                                                                                                                                                  |
| *ŋ | Awal kata              | MP *ŋaŋa(?) 'nganga' > DHPUP *ŋaŋa; PRH, SLRG, BSLM dan ŋaŋo; KRN, APNS, KHLU, PDG KNYT, SPG PLAI dan BNGR ŋaŋa                                                                                                                                                             |
|    | Tengah kata/Antarvokal | MP *taŋan 'tangan' > DHPUP *taŋaŋ; PRH, BSLM taŋe; APNS, BGR dan KRN taŋeŋ; SLRG taŋeŋ; KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI taŋaŋ;<br><br>MP *jalan 'jalan' > DHPUP *dʒalaŋ; PRH bʰdʒala; ; KRN, BNGR, APNS dʒelaŋ; SLRG dʒalaŋ; KHLU dan SPG PLAI dʒalaŋ; PDG KNYT dan BSLM dʒala. |
|    | Akhir kata             | MP *hiduŋ 'hidung' > DHPUP *idoŋ; PRH, KRN, APNS, SLRG, KHLU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI idoŋ<br><br>MP *aŋin 'angin' > DHPUP *aŋɪŋ; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI aŋɪŋ                                                              |

#### 4.11. Rekonstruksi Konsonan Lateral DHPUP

DHPU memiliki hanya satu konsonan lateral sisian gigi gusi bersuara iaitu DHPU \*l. Konsonan DHPU \*l didapati hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Pada posisi akhir, konsonan ini mengalami pengguguran dalam dialek HPU, oleh itu ia tidak direkonstruksikan pada posisi tersebut. Berdasarkan kepada kesepadanan bunyi yang teratur, DHPU \*l merupakan refleksi daripada MP \*l pada kedua-dua posisi yang direkonstruksikan seperti dalam [Jadual 20](#).

Jadual 20: Refleks MP \*l kepada DHPU dalam 9 Varian

| Konsonan lateral | Penyebaran pada posisi | Contoh Refleks MP kepada DHPU dalam 9 varian                                                                                                                                                                                                      |
|------------------|------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *l               | Awal kata              | MP *ludah 'ludah' > DHPUP *ludoh; PRH dan BNGR ludoh; KRN, SLRG, dan BSLM ludoh; APNS, KHLU, PDG KNYT dan SPG PLAI ludah.<br><br>MP *ləmæk 'lemak' > DHPUP *ləmøk; PRH, KRN, BNGR, BSLM dan SPG PLAI ləmoʔ; SLRG lʰmoʔ; APNS, KHLU, PDG KYT ləmaʔ |
|                  | Tengah kata/Antarvokal | MP *mulut 'mulut' > DHPUP *mulot; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI muloʔ<br><br>MP *kuliʔ 'kulit' > DHPUP *kuliʔ; PRH, APNS dan BNGR kulaʔʔ; SLRG, PDG KNYT, BSLM kuliʔ; KRN, SPG PLAI dan KHLU kuleʔ.               |

#### 4.12. Rekonstruksi Konsonan Separuh Vokal DHPUP

DHPUP memiliki dua konsonan separuh vokal, iaitu konsonan separuh vokal dua bibir \*w dan konsonan separuh vokal langit keras \*j. Kedua-dua fonem ini hanya hadir pada posisi antartvokal atau tengah kata sahaja. Namun, kadangkala ia akan hadir secara penyisipan geluncuran pada beberapa varian pada tengah kata, dan diftongisasi pada akhir kata. [Jadual 21](#) memaparkan contoh refleks konsonan separuh vokal \*j dan \*w.

Jadual 21: Refleks MP \*w, dan \*j kepada DHPUP dalam 9 Varian

| Konsonan separuh vokal | Penyebaran pada posisi      | Contoh Refleks MP kepada DHPU dalam 9 varian                                                                                   |
|------------------------|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| *w                     | Tengah kata/<br>Antartvokal | MP *a(w)an 'awan' > DHPU *awa; PRH awa-awa; KRN, SLRG dan APNS, awen; KHLU dan BNGR awaŋ; PDG KNYT dan SPG PLAI awe; BSLM awa. |
| *j                     | Tengah<br>kata/Antartvokal  | MP *kaju 'kayu' > DHPU *kaju; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI kaju <sup>w</sup>                  |

#### 5. Kesimpulan

Kajian linguistik sejarawi perbandingan bertujuan untuk memahami wujudnya bahasa purba yang menurunkan bahasa atau dialek yang dituturkan pada masa kini dengan wujudnya inovasi atau perubahan-perubahan yang terjadi atas faktor-faktor tertentu sejak bahasa itu wujud. Begitulah hasil tinjauan berdasarkan linguistik sejarah perbandingan. Kajian ini telah menghuraikan hubungan linguistik bahasa induk MP dan dialek induk DHPUP bersama varian turunannya dengan cara rekonstruksi fonem vokal dan konsonan menerusi kaedah perbandingan. Hasilnya, kajian ini merealisasikan objektif kajian. Pertama, kajian ini telah berjaya membina sistem fonologi dialek purba HPU yang diandaikan wujud suatu ketika dahulu melalui kaedah rekonstruksi dalaman, yang terdiri daripada 6 vokal purba dan 18 konsonan purba tanpa kewujudan diftong. Kedua, kajian ini berjaya menelusuri hubungan linguistik antara bahasa purba MP dan DHPUP bersama sembilan varian turunannya. Perbandingan awal yang dilakukan menjelaskan bahawa DHPUP mengalami inovasi atau perubahan terhadap pengembangan bilangan vokal dan konsonan daripada bahasa Induknya, Melayik Purba. DHPUP dihipotesiskan memiliki 6 vokal purba \*i, \*e, \*a, \*ə, \*u dan \*o, yakni \*e dan \*o merupakan inovasi daripada bahasa purba MP. Manakala bilangan konsonan purba DHPUP adalah terdiri daripada \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*s, \*h, \*dʒ, \*tʃ, \*ɣ, \*m, \*n, \*ɲ, \*l, \*w, \*y. Hasil kajian sistem purba DHPUP secara jelas telah menyatakan bahawa dialek Hulu Perak Utara merupakan dialek yang dikelompokkan dalam sistem fonologinya tersendiri, dan benarlah kajian-kajian sebelum ini ([Ismail Hussien, 1973](#); [Asmah 2015](#); [Nuwairi, 2003](#)) menyatakan bahawa dialek pendatang di Hulu Perak mempunyai perbezaannya yang tersendiri jika ingin dibezakan dengan dialek pendatang lain di Perak.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada tesis PHD 2021 penulis. Maka, penyelidik telah menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

### **Rujukan**

- Adeelar, K.A. (1992). *Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical*. Pacific Linguistic, Series C 119. Canberra: The Australia National University.
- Asmah Omar. (1995a). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1995b). *Rekonstruksi kata dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, L. (2001). *Historical Linguistic: An Introduction*. Edinburgh University Press.
- Collins, J.T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit UKM.
- Crowley, T., & Bowern C. (2010). *An Introduction to Historical Linguistics*. Auckland: Oxford University Press.
- Fox, A. (1995). *Linguistic Rekonstruction: An Introduction to Theory and Method*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Groys, K. (1996). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harun Mat Piah. (1983). Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak (pp. 20-23). Ipoh, Perak.
- Ismail Hussein. (1973). Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara*, 3, 63-79.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2014). *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik bahasa-bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2021). Menelusuri Makna Linguistik Sejarah dan Perbandingan. Dlm. Noriah Mohamed (Ed.), *Menelusuri Inti Sari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. hlm 1-12. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Nur Habibah Che Rosdi. (2014). *Dialektologi Geografi Hulu Perak Utara: Perbandingan Fonologi dan Leksikal*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Habibah Che Rosdi. (2021). Kesan persempadanan kawasan berdasarkan kajian linguistik bandingan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(4), 45-61.
- Nuwairi Khaza'ai. (2003). Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu*, 13, 88-99.
- Mahsun, M.S. (1995). *Dialektologi Diakronis Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Rahim Aman. (2017). *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Edisi ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rahim Aman. (2018). *Linguistik Bandingan Bahasa Iban*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin. (1986). *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Sakinah Nik Muhammad Naziman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2016). Bentuk dan Kedudukan Kata Tanya Dialek Perak Utara: Satu Huraian Deskriptif. *Jurnal Bahasa*, 6(2), 53-274.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. (2017). Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 1-34.
- Tajul Arippin Khasin & Tarmiji Misron (2014). Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm. Noriah Mohamed (Ed.), *Pendekatan Kontrasif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*. hlm. 37-58. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.